



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM GALAKAN PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) DENGAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) MELALUI PEMBERIAN DISKAUN BIL ELEKTRIK SEBANYAK 20 PERATUS

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) di atas persetujuan memberikan diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus kepada pengusaha/pemilik Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus ini adalah daripada penjimatan mekanisme Insentif Based Regulation (IBR) di Semenanjung.

Pemberian ini adalah berdasarkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan untuk memantau pengoperasian TASKA di Malaysia yang mana sehingga Ogos 2019, hanya terdapat 4,744 buah TASKA sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah ini hanya mewakili sekitar 11.9 peratus (%) sahaja berbanding keperluan TASKA bagi populasi kanak-kanak di bawah 4 tahun yang dianggarkan berjumlah 40,000 buah.

Pelaksanaan pemberian diskaun ini akan melibatkan syarat-syarat berikut:

- (i) terpakai kepada pengusaha/pemilik TASKA yang **berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Semenanjung Malaysia;**
- (ii) pengusaha/pemilik TASKA yang dikenakan bil elektrik di bawah kategori **tarif komersial (Tarif B) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB);**
- (iii) bagi TASKA yang telah sedia berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun bermula pada 1 November 2019 sehingga 31 Disember 2020;

- (iv) bagi TASKA yang akan berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun adalah mulai 1 November 2019 atau pada tarikh TASKA tersebut berdaftar (mana yang terkemudian) sehingga 31 Disember 2020; dan
- (v) sebarang rujukan berkaitan dengan perkara ini, bolehlah menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

Di samping itu Kerajaan juga sedang meneliti untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) agar pemberian diskaun ini akan turut sama dinikmati oleh pengusaha/pemilik TASKA di Sarawak dan Sabah.

Kerajaan berharap inisiatif ini bukan sahaja berupaya membantu pengusaha/pemilik mengurangkan kos pengoperasian TASKA tetapi juga dapat meningkatkan pendaftaran TASKA dengan JKM bagi tujuan pemantauan demi kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
26 SEPTEMBER 2019**